

## ABSTRAK

Kajian kanstratif **adalah** kajian perbandingan di antara bahasa pertama iaitu bahasa ibunda dan juga bahasa kedua yang sedang dipelajari. Perbezaan di antara kedua-dua bahasa tersebut dianggap penyebab utama kepada kegagalan pelajar di dalam menguasai bahasa kedua. Kegagalan dalam penguasaan bahasa kedua sering menyebabkan pelajar melakukan kesilapan khususnya di dalam pembentukan ayat-ayat yang gramatis. Kesalahan dikira unsur negatif yang **mengganggu** proses pembelajaran bahasa dan harus dielakkan.

Bahasa Arab sebagai bahasa kedua yang mempunyai kepelbagaian struktur ayatnya sering menyebabkan pelajar melakukan kesilapan dalam membina ayat-ayat yang tepat dan gramatis. Kesilapan ini sering berlaku bukan sekadar di dalam pembentukan ayat-ayat yang mudah, malah menjangkau di dalam **penggunaan** kata adjektif atau kata sifat di dalam bahasa Arab.

Kepelbagaian jenis kata sifat ( adjektif ) di dalam bahasa Arab telah menarik minat penulis untuk membuat **kajian** perbandingan kata sifat di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Di dalam kajian kecil ini penulis cuba membandingkan pembentukan kata sifat ( adjektif ) di antara kedua-dua bahasa. Perbandingan ini dilakukan bertujuan untuk **melihat** persamaan dan perbezaan yang wujud di antara kedua-dua bahasa **dari** segi **penggunaan** kata sifat ( adjektif ). Seterusnya meramal kesulitan yang dihadapi oleh mereka dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

## ABSTRACT

The constrative study is about comparison between the first language as the mother tongue and the second language which is being learnt. The differences in both languages are considered the **major** reason of the student's failure in majoring this second language. This failure often causes the students in making many mistakes especially in forming grammatically correct sentences. The mistakes are considered as the negative element that disturb the process of language learning and it should be avoided.

Arabic as the second language has variety structures often causes the students to make mistake in forming grammatically correct sentences. This mistake always happen not only in forming simple, sentences but also in use of adjectives in Arabic.

The varieties of adjectives in Arabic has attracted the **writer's** interest to study the comparison of adjective between the Arabic and Malay language. In this short study, the writer tries to compare the formation of adjective between both languages, The aim of this comparison is to find out the differences and the similarities that exist in both languages especially in using the adjective. Consequently, this will also help the writer to predict the **difficulties** that the students" might face in learning Arabic as their second language.